

PERSIDANGAN PERSPEKTIF SINGAPURA 2017

‘Pemerintah S’pura yang luar biasa perlukan warga luar biasa’

► **HASLEEN BACHIK**
hasleen@sph.com.sg

SINGAPURA hanya mampu mempunyai pemerintah yang luar biasa jika warganya turut luar biasa.

Demikian dinyatakan oleh Pengarah Institut Pengajian Dasar (IPS), Encik Janadas Devan, dalam ucapan pembukaannya di persidangan Perspektif Singapura 2017 (SP2017) dengan tema *Bagaimana Jika* atau *What If* anjuran IPS di Pusat Konvensyen Raffles City semalam.

“Bunyiya mungkin klise amat manis dan memuakkan, tetapi ia adalah satu kenyataan.

“Jika kita menjadi begitu dungu dengan memilih pelawak untuk menyandang jawatan, jika politik kita menjadi amat toksik dengan membenarkan keperibumian, neo-fasis, mereka yang popular berkuasa; kita tidak mungkin mempunyai peluang kedua, melakukan semula, kita akan tewas,” kata Encik Devan.

Sifat luar biasa itu, tambah beliau, tiada kaitan dengan sama ada negara ini diperintah dalam sistem satu atau dua parti.

Beliau percaya bahawa politik akan lebih dipertandingkan memandangkan masyarakat kini pelbagai.

Dengan cabaran dan isu yang dihadapi menjadi kompleks serta penduduk semakin lebih berpendidikan dan terbuka kepada dunia, maka mereka akan mempunyai pandangan berbeza mengenai dasar awam.

“Cabarannya adalah mengekalkan pemerintah yang luar biasa – yang mampu mengekalkan perancangan jangka panjang dan tindakan yang tanpanya, sebuah bandar tidak boleh menjadi sebuah negara – tatkala warganya menjadi lebih pelbagai dan politik dipertandingkan,” ujar Encik Devan.

SP2017, yang mempertimbang senario alternatif Singapura pada tahun 2065, mengetengahkan empat sesi panel, termasuk topik *Bagaimana jika Singapura menjadi sistem dua atau berbilang parti?* oleh Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran), Encik Ong Ye Kung; dan Pengerusi Eksekutif Banyan Tree Holdings Limited, Encik Ho Kwon Ping.

Anggota panel lain akan menilai asas Singapura dalam konteks perubahan dalaman dan luaran yang mungkin berlaku.

Para penceramahnyanya termasuk ahli akademik, Profesor Wang Gungwu, Profesor Joseph Liow, Dr Norman Vasu dan Profesor Madya Thang Leng Leng; penyair



BINCANG MENGENAI SINGAPURA PADA MASA DEPAN: Anggota panel di sidang Perspektif Singapura 2017 bertema ‘Bagaimana Jika’ di Pusat Konvensyen Raffles City semalam. Sidang itu mempertimbang senario alternatif Singapura pada tahun 2065 dan antara yang diajukan ialah persoalan bagaimana jika Singapura bukan lagi unit penganjur utama di dunia. – Foto IPS

Aaron Maniam dan Amanda Chong; pemimpin perniagaan Dr Khong Cho-Oon dan Rakan Kongsi serta Pengarah Urusan (Singapura), The Boston Consulting Group, Cik Mariam Jaafar; serta usahawan sosial Encik Jeremy Au.

Cik Mariam juga adalah Anggota Jawatankuasa Ekonomi Masa Depan dan pengerusi bersama Jawatankuasa Kecil ‘Connectivity’ (Kesalinghubungan).

SP2017 itu dihadiri sekitar 850 peserta daripada sektor awam dan privet serta ahli akademik, selain pemimpin pelajar.

Dalam pada itu, Persidangan *Bagaimana Jika*, ujar

Encik Devan, adalah untuk menyoal dan membayangkan beberapa kemungkinan tentang apakah yang akan berlaku kepada negara ini jika ia bukan lagi unit penganjur utama di dunia.

Bagaimana jika globalisasi gagal? Bagaimana jika Singapura gagal mengekalkan dirinya sebagai ‘bandar global’ yang bertenaga dan kosmopolitan?

Dengan lain perkataan, ia berupa pelawaan untuk mengajak semua agar membayangkan kewujudan Singapura – pada masa ini – tidak lagi diguna pakai.

Tetapi, sebenarnya hakikat bahawa kita wujud, dengan sendirinya adalah bukti bahawa yang tidak mungkin itu mungkin menjadi jua, katanya.